

# 56 peniaga menuntut janji kerajaan Selangor

» Isu tapak niaga baru sepi selepas dua tahun diarah berpindah

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bharian.com.my

Rawang

**D**ua tahun sudah berlalu, namun 56 peniaga asal di Jalan Rawang-Tasik Puteri berhampiran Tol Rawang di sini, masih setia menanti janji kerajaan Selangor untuk mendapat tapak niaga baru.

Pengerusi Persatuan Peniaga Jalan Rawang-Tasik Puteri (Peniaga JR-TP), Datuk A Balakrishnan, berkata peniaga diarahkan berpindah dari tapak niaga itu dua tahun lalu, bagi memberi laluan kepada kerja naik taraf jalan sepanjang 1.6 kilometer.

Katanya, peniaga sehingga kini masih tidak tahu mengapa isu itu masih tidak dapat diselesaikan walaupun dimaklumkan bahawa tapak tanah berkenaan sudah diluluskan EXCO kerajaan Selangor sebelum ini.

**Terpaksa henti perniagaan**  
Berikutan itu, katanya, ada peniaga terpaksa memberhentikan perniagaan buat sementara waktu dan mencari pekerjaan lain bagi menampung kos sara hidup.

“Ada peniaga mengambil ke-

putusan menyewa di tempat lain, tetapi kadar sewa yang tinggi menyebabkan mereka terpaksa bertahan dengan pendapatan yang sedikit,” katanya.

Balakrishnan berkata, hanya 43 peniaga daripada 56 orang diberi Lesen Menduduki Sementara (TOL) ketika deretan kedai di Jalan Rawang-Tasik Puteri dibuka pada 1994.

Semua mereka menerima pampasan antara RM3,000 hingga RM5,000 dari Kerajaan Pusat bagi memberi laluan kepada kerja naik taraf bagi mengatasi kesesakan bermula dari Plaza Tol Rawang hingga Rawang Idaman.

**Tak terima pampasan**

Bagi baki 13 peniaga yang tidak memiliki TOL, mereka dijanjikan tapak niaga baru sama seperti peniaga asal, meskipun

tidak menerima pampasan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui bersama peniaga dan Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS), Mohd Ridzuan Abdullah di Taman Bersatu, Rawang, di sini, Jumaat lalu.

Peniaga sebelum itu bercadang mengadakan bantahan di hadapan pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Gan Pei Nei tetapi membatalkannya selepas menerima surat mengenai satu mesyuarat membabitkan isu sama yang akan diadakan hari ini.

Mohd Ridzuan berkata, peniaga berhasrat mengadakan bantahan besar-besaran selepas ini jika isu berkenaan masih tidak dapat diselesaikan selepas perjumpaan berkenaan.

Reaksi



“  
Sebelum diarahkan mengosongkan premis dua tahun lalu, saya meraih pendapatan memberangsangkan tetapi kini perniagaan terpaksa ditutup sementara kerana tidak mampu membayar sewa dan menggaji pekerja”

Thiyagarajan Marappa,  
Peniaga